

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan panduan dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Sehubungan itu, penulis akan mengemukakan reka bentuk kajian, subjek kajian, pendekatan kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, penganalisan data statistik serta penutup bab.


#### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan haluan sesuatu kajian di samping mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Justeru, reka bentuk kajian ini adalah satu kajian tinjauan deskriptif dan inferensi yang bertujuan untuk meninjau soal-soal yang berkaitan antara motivasi dengan pembelajaran Bahasa Arab di samping mengenal pasti jenis motivasi apa yang berkesan dalam pembelajaran itu di kalangan pelajar.

Sehubungan itu, pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif iaitu melalui pengedaran soal selidik dalam kalangan pelajar dan temu bual semi berstruktur dalam kalangan guru. Responden-responden dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan dalam instrumen tersebut. Data kajian kemudiannya dipungut dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik berasaskan komputer atur cara *Statistical Package for Social Sciences*

(SPSS) versi 14.0 sebelum dibentangkan. Rumusan kajian ini nanti akan bergantung sepenuhnya kepada penggunaan data-data statistik yang diperoleh daripada huraian dapatan kajian. Rangka kerja kajian ini dapat ditunjukkan dalam rajah 3.1 berikut:

**Rajah 3.1**  
**Kerangka Konsepsi Kajian**



## **3.2 SUBJEK KAJIAN**

### **3.2.1 Populasi**

Populasi kajian ini melibatkan pelajar dan guru yang merangkumi lelaki dan perempuan. Jumlah populasi pelajar ialah seramai 240 orang pelajar MATRI yang terdiri daripada 125 pelajar lelaki dan 115 pelajar perempuan. Manakala populasi guru yang mengajar Bahasa Arab ialah seramai tujuh orang. Sehubungan itu, Syed Arabi Idid (2002 : 45) mengatakan bahawa pada asasnya persampelan membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Kumpulan yang lebih besar ini dikenali sebagai populasi.

### **3.2.2 Persampelan**

Kajian ini akan menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Bersetara bagi memastikan hasil kajian boleh dipersembahkan dengan lebih efektif dan kondusif. Penulis memilih kaedah persampelan ini kerana populasi kajian meliputi latar belakang responden yang berbeza dari segi umur, aliran akademik, tingkatan dan jantina serta pengalaman seseorang guru mengajar Bahasa Arab. Sehubungan itu, sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 131 orang pelajar yang meliputi 65 pelajar lelaki dan 66 pelajar perempuan yang dipilih secara rawak, dan 5 orang guru yang terdiri daripada tenaga pengajar Bahasa Arab. Taburan pemilihan sampel kajian bagi responden pelajar adalah dinyatakan dengan jelas seperti jadual *Crosstabs* 3.1 di bawah.

**Jadual Crosstabs 3.1**  
**Taburan Responden Pelajar Mengikut Aliran Akademik, Tingkatan dan Jantina**

Tingkatan	Jantina	Aliran Akademik		Jumlah
		Sains Tulen	Sains Sosial	
Tingkatan 4	Lelaki	18	17	35
	Perempuan	15	19	34
Tingkatan 5	Lelaki	15	15	30
	Perempuan	17	15	32
<b>Jumlah keseluruhan</b>				<b>131</b>

### 3.3 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggabungkan kedua-dua metod kajian iaitu kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif diguna pakai dalam kajian ini untuk mengumpul data primer melalui soal selidik pelajar, iaitu data yang diperolehi daripada sumber yang pertama untuk menghurai dan memberi gambaran perangkaan tentang taburan demografi, penentuan tahap dimensi jenis-jenis pendekatan motivasi dan perbandingannya antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Selain itu, pendekatan kajian ini juga melaporkan perangkaan yang menyentuh faktor-faktor yang menjana motivasi yang sedia ada pada diri pelajar dan pendorong pencapaian dalam peperiksaan PMR di samping latar belakang minat dan semangat mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Manakala, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data temu bual bagi menginterpretasikan perspektif guru terhadap faktor-faktor yang menghalang motivasi, ciri-ciri motivasi dan skim-skim motivasi

serta harapan dan cadangan responden bagaimana cara mempertingkatkan motivasi dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

### **3.4 LOKASI KAJIAN**

Tempat kajian adalah di sebuah sekolah agama swasta di negeri Perlis yang dikenali dengan panggilan 'MATRI'. MATRI adalah singkatan nama kepada Ma'had At-Tarbiyah Al-Islamiah yang diasaskan oleh Dato' Kaya Bakti Tuan Guru Hj. Dahlan bin Mohd Zain. Ia terletak di atas sebidang tanah seluas 16.2 hektar di Perkampungan Tunjung, 02400 Beseri, Perlis, iaitu kira-kira 12 km dari bandar Kangar. MATRI terletak di lereng bukit Tunjung dengan landskapnya yang menghijau lagi harmoni di samping dikelilingi oleh rumah-rumah penduduk Perkampungan Tunjung (Ghazali Saad, 2004 : 102 – 108).

MATRI telah didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) pada 8 April, No. Pendaftaran: JAIPs-AM-1/8(8). MATRI juga berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Perlis (JPNPs), dan mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 20 hb. Ogos 1994, No. Pendaftaran: JPPs.24/98. MATRI turut sama diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Sekolah Antarabangsa *International School*, No. Kelulusan: KP(JPS) 5181/20/01/Jld.2(47) (lihat Lampiran A2, A3 dan A4).

MATRI menawarkan sistem pendidikan yang selari dengan sistem pendidikan arus perdana. Ia menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sepenuhnya bagi pendidikan peringkat Menengah Rendah dan Menengah

Atas dengan penekanan utama terhadap pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Manakala bagi peringkat Marhalah Khassah iaitu Tingkatan Enam, kurikulum yang diguna pakai ialah kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), dan kurikulum yang diiktiraf oleh beberapa universiti di luar negara seperti Universiti Al-Azhar, Mesir dan lain-lain.

### **3.5 INSTRUMEN KAJIAN**

Dalam kajian ini penulis mengguna pakai instrumen kajian seperti berikut:

#### **3.5.1 Soal Selidik Pelajar**

Subjek kajian berpandukan borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu (lihat Lampiran B1):

##### **i- Bahagian A : Demografi Responden**

Bahagian A mengandungi soalan nombor 1 hingga nombor 10 yang merangkumi item-item demografi pelajar dari aspek jantina, umur, keturunan, tingkatan, aliran akademik pelajar, lokasi kediaman, negeri tempat tinggal, peringkat pendidikan ibu bapa atau waris, dan pencapaian mata pelajaran BAK pada peringkat peperiksaan PMR 2006 dan 2007.

**ii- Bahagian B : Latarbelakang Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab.**

Bahagian B mengandungi soalan 11 hingga 13 yang menyentuh item-item pendorong utama responden memilih sekolah aliran agama, minat dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan semangat mempelajari Bahasa Arab di dalam bilik darjah.

**iii- Bahagian C : Faktor-Faktor Yang Menjana Motivasi dan Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden**

Bahagian ini mengemukakan soalan 14 hingga 15 yang merangkumi item-item mengenai faktor-faktor yang mendorong motivasi sedia ada pada responden dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan pendorong terhadap prestasi yang baik dalam mata pelajaran BAK pada peringkat PMR.

**iv- Bahagian D : Pendekatan-pendekatan Motivasi.**

Bahagian D pula meliputi item-item yang berkaitan dengan pendekatan motivasi; motivasi holistik, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, motivasi matlamat dan motivasi pencapaian. Bagi setiap pendekatan motivasi pula mengandungi 8 item. Jumlah keseluruhan pernyataan bahagian ini adalah sebanyak 40 item. Kesemua item menggunakan Skala Likert Lima Peringkat bagi mengukur dimensi motivasi yang dikaji.

### **3.5.2 Temu Bual Semi Berstruktur Guru**

Dalam kajian ini, penulis juga mendapatkan data melalui temu bual semi berstruktur dengan memilih 5 orang guru yang berpengalaman mengajar Bahasa Arab di MATRI. Soalan temu bual semi berstruktur terdiri daripada tiga bahagian (lihat Lampiran B2):

- i. Bahagian B mengandungi soalan tertutup yang membolehkan penemu bual hanya bertanya kepada responden dengan menandakan pada ruang yang disediakan bagi jawapan yang berkenaan.
- ii. Bahagian A dan C mengandungi soalan terbuka untuk memberi ruang kepada responden menjelaskan lagi maklumat yang diberikan. Soalan ini memberi keselesaan dan ruang kepada responden untuk melahirkan pandangan masing-masing dengan bebas tentang aspek-aspek kajian.

### **3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian**

Penulisan item pada bahagian A dalam borang soal selidik adalah dibentuk sendiri oleh penulis, sementara Bahagian B dan Bahagian C berpandukan kepada kajian lampau. Bagi menentukan alat kajian ini lebih signifikan, penulis telah mengadaptasi item-item tersebut daripada beberapa buah disertasi lampau. Namun begitu, penggubalan dan penyusunan kesemua item tersebut terlebih dahulu mendapat nasihat dan panduan daripada penyelia sebelum diedarkan kepada



responden. Berikut adalah disertasi-disertasi yang diadaptasi oleh penulis bagi pembinaan item soal selidik dan temu bual:

- i- Sharifah Fatimah Binti Wan Jamal (2002), Pengaruh Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- ii- Gazilah Binti Mohd. Isa (2005), Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- iii- Abdullah Bin Othman (2002), Persepsi Pelajar Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Mata Pelajaran Sains. Disertasi Sarjana Universiti Utara Malaysia.

### **3.6 PROSEDUR KAJIAN**

Prosedur pengumpulan data kajian sebenar dijalankan pada bulan April 2008. Seterusnya, borang soal selidik dan temu bual semi berstruktur yang lengkap diisi telah dianalisis pada bulan Julai 2008 bagi memperoleh maklumat yang diperlukan dalam penulisan disertasi ini. Tatacara kajian dapat diringkaskan seperti berikut:

#### **3.6.1 Borang Soal Selidik**

Sebelum soal selidik diedarkan, surat permohonan untuk menjalankan kajian ini dihantar terlebih dahulu untuk mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pengetua atau mudir MATRI (lihat Lampiran A1). Penulis membuat temu janji

terlebih dahulu sebelum mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima pada masa yang ditetapkan.

Pelajar tidak mengalami sebarang kesulitan sewaktu menjawab item-item soal selidik. Penulis menerangkan secara lisan semua arahan yang terkandung dalam borang soal selidik. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik tersebut dalam masa 30 minit, namun pelajar menjawab soal selidik tersebut dalam masa 20 minit sahaja. Ini bermakna 10 minit yang selebihnya dapat digunakan oleh pelajar untuk menyemak kembali item soalan yang telah dijawab.

### **3.6.2 Borang Temu Bual Semi Berstruktur**

Penulis mengedar sendiri borang temu bual semi berstruktur kepada 5 orang tenaga pengajar yang mengajar Bahasa Arab di MATRI secara rawak. Penulis tidak menghadapi masalah mengedar dan memungut balik borang tersebut. Ini kerana penulis sendiri adalah salah seorang tenaga pengajar MATRI.

## **3.7 PENGANALISISAN DATA STATISTIK**

Kaedah penganalisisan data adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah dinyatakan. Data-data yang dikutip telah diproses dan dianalisis secara statistik berlandaskan komputer atur cara SPSS 14.0 *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 14.0. Ini kerana penganalisisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan kerana itu bebas

daripada ralat. Seterusnya, data-data dianalisis menggunakan kaedah statistik seperti berikut:

### **3.7.1 Statistik Deskriptif**

Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk mendapat data frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang menerangkan tentang penghujahan keputusan dapatan kajian. Penganalisan data-data statistik deskriptif itu juga bertujuan menjawab soalan-soalan kajian dan sekaligus mencapai objektif kajian yang digariskan.

Seterusnya, data diringkaskan kepada Jadual Frekuensi *frequency table* dengan mengguna pakai analisis deskriptif tersebut bagi mendapat gambaran taburan data seperti profil demografi, minat dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan faktor-faktor yang menjana motivasi tersedia ada pada pelajar serta taburan jenis-jenis pendekatan motivasi dan perbandingannya berdasarkan jantina dalam pembelajaran Bahasa Arab.

### **3.7.2 Statistik Inferensi**

Ujian-t *Independent Sampel T-Test* yang digunakan dalam kajian ini untuk menguji sama ada terdapat kontras yang signifikan antara jenis-jenis pendekatan motivasi yang digunakan oleh responden pelajar lelaki dan perempuan dalam pembelajaran Bahasa Arab.

### **3.8 PENUTUP**

Secara umum, kajian ini adalah dalam bentuk tinjauan. Metodologi kajian yang disarankan ini dapat menjelaskan bagaimana kajian dapat dilakukan dengan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Justeru, bab ini penulis telah membincangkan tentang kaedah bagaimana kajian ini dilaksanakan dengan memberi penekanan terhadap reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian serta kaedah penganalisan data kajian. Bab seterusnya, penulis akan membincangkan penganalisan dapatan kajian daripada data-data instrumen kajian.